



# PELUANG KERJAYA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Kami adalah syarikat unit amanah dan pengurusan dana Islamik yang berdedikasi untuk memberikan pulangan pelaburan yang berterusan kepada para pelabur. Kami adalah perintis dalam industri unit amanah di Malaysia dengan pengalaman lebih daripada lima dekad.

**Kami mencari calon yang berkebolehan, dinamik dan bersemangat untuk memimpin syarikat ke tahap yang lebih tinggi**

## TUGAS & TANGGUNGJAWAB:

- Melaksana tanggungjawab dan kuasa yang diberikan oleh Lembaga Pengarah;
- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai hala tuju dan objektif syarikat;
- Melaksanakan fungsi dan tugas berdasarkan struktur organisasi syarikat seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- Bertanggungjawab terhadap pengurusan dan operasi harian syarikat serta memimpin dan membimbing warga kerja syarikat.

## KELAYAKAN & PENGALAMAN:

- Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda atau yang setaraf dengannya;
- Berpengalaman sekurang-kurangnya lima belas (15) tahun dalam industri pasaran modal dan minima tiga (3) tahun di peringkat pengurusan kanan;
- Memiliki 'Capital Market Services Representative's Licence' (fund management) Modul 9 dan 10 daripada Suruhanjaya Sekuriti. Calon yang memiliki CMSRL Modul 11 adalah satu kelebihan; Lulus 'Computerise Unit Trust Examinations' (CUTE) daripada Federation Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Memiliki tahap kecekapan kritikal yang tinggi, komitmen yang berorientasikan hasil, kecemerlangan perniagaan dan menerajui perubahan motivasi berpanjangan.

## PENGETAHUAN & KEMAHIRAN:

Berpengetahuan dan pengalaman yang luas dalam:

- Undang-undang, peraturan dan syarat-syarat berkanun yang mengawal selia industri pasaran modal;
- Prinsip-prinsip Islamik dan Syariah yang berkaitan dengan industri pasaran modal
- Prinsip kepimpinan dan pengurusan;
- Pengurusan kewangan;
- Pengurusan Sumber Manusia;
- Pengurusan strategik.

## TERMA & SYARAT:

- Jawatan ini adalah bertaraf kontrak.
- Gaji, elauan, terma-terma dan syarat perkhidmatan adalah tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah.

Calon yang berminat dijemput untuk mengemukakan permohonan secara rasmi ke alamat emel di [hcm@pelaburanmara.com.my](mailto:hcm@pelaburanmara.com.my) dengan resume lengkap yang menyatakan maklumat peribadi, pengalaman kerja, gaji semasa dan jangkaan, nombor telefon, salinan sijil yang berkaitan dan gambar berukuran pasport terkini

**Tarikh Tutup Permohonan: 12 Julai 2021**  
(Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dihubungi)